

**Adun BN Minta Penjelasan Mengenai Tabung Amanah Perumahan Bumiputera
Bernama
3 November , 2011**

GEORGE TOWN, 3 Nov (Bernama) -- Seorang wakil rakyat Barisan Nasional hari ini meminta Kerajaan negeri Pulau Pinang memberi penjelasan berhubung Tabung Amanah Perumahan Bumiputera yang didakwa tidak digunakan untuk melaksanakan projek perumahan mampu milik untuk golongan Bumiputera.

Anggota Dewan Undangan Negeri Teluk Bahang Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya berkata setakat ini caruman terkumpul tabung berkenaan telah mencapai RM21 juta.

"Ia (tabung) adalah sumbangan daripada pihak swasta, kerajaan pusat dan kerajaan negeri bertujuan untuk melepaskan kuota Bumiputera (dalam pembinaan rumah)," katanya kepada pemberita di luar persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini, hari ini.

Katanya wang daripada tabung berkenaan sepatutnya boleh digunakan untuk membina rumah mampu milik golongan Bumiputera namun sehingga kini tiada perancangan dibuat oleh kerajaan negeri berhubung perkara itu.

Sementara itu, mengulas kenyataan Ketua Menteri Lim Guan Eng semasa persidangan DUN hari ini bahawa Pulau Pinang tidak akan melaksanakan hukum hudud, Hilmi meminta PAS dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) di negeri ini untuk turut menyatakan pendirian mereka berhubung perkara itu.

"Adakah mereka (PAS dan PKR) akan tunduk kepada DAP sahaja? Saya nak tunggu apa pendirian mereka," katanya.

---BERNAMA

Copyright © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=624532>